

Program jelajah khas promosi Agropreneur Muda

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengadakan promosi besar-besaran mengenai Program Agropreneur Muda yang dilancarkan tahun lalu, bagi menarik lebih ramai penyertaan golongan belia.

Menyerinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata tahun lalu, hanya 384 peserta yang mendaftar dengan Program Agropreneur Muda, berbanding sasaran 1,000 peserta.

Program jelajah beri penerangan khas

"Kita akan mengadakan jelajah ke setiap negeri dan daerah bermula minggu depan bagi memberi penerangan mengenai kertas kerja dan maklumat yang per-

lu disertakan pendaftaran program itu.

"Saya dimaklumkan kebanyakannya peserta yang mempunyai kesalahan dan kekurangan pada kertas kerja. Jika perlu kita akan memberi kertas kerja contoh kepada mereka sebagai rujukan," katanya kepada media selepas mengadakan sesi lawatan ke tapak pameran agro Pertanian, di Festival Belia Putrajaya 2015, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M Saravanan.

Ismail Sabri berkata, tahun ini kementeriannya berhasrat melahirkan 1,000 agropreneur muda dan usaha berkenaan akan diteruskan pada tahun yang akan datang.



Ismail Sabri (dua dari kanan) bersama Saravanan (dua dari kiri) ketika merasmikan tapak pameran **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** sempena Festival Belia Putrajaya 2015, semalam.

[FOTO NOOR ATIKAH SULAIMAN/BH]